

Terma-Terma dan Syarat-Syarat bagi Kempen “DuitNow DuitRaya”

1. Kempen “**DuitNow DuitRaya**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **30 Mei 2019** hingga **31 Julai 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) dan aplikasi mudah alih CIMB Clicks baru dan sedia ada.
5. Kategori orang yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - i. Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - ii. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
 - iii. Pelanggan yang memegang apa-apa akaun-akaun Semasa atau Simpanan dengan CIMB yang telah ditamatkan, digantung, dibatalkan atau tidak aktif dalam Tempoh Kempen; dan/atau
 - iv. Pelanggan yang memegang apa-apa akaun dengan CIMB yang berdelinkuen atau bukan berada dalam keadaan baik seperti yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya; dan/atau
 - v. Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulung, atau selainnya mempunyai prosiding undang-undang dalam mana-mana sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - vi. Pelanggan yang tidak mempunyai akal sempurna; dan/atau
 - vii. Individu di bawah umur 18 tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, peserta merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau bukan merupakan kategori orang di atas.

(“**Peserta Layak**”)

Hadiah

6. Hadiah-hadiah berikut disediakan kepada pemenang terpilih Kempen ini:

Kategori Hadiah	Hadiah	Bil. Pemenang
"Hadiah Utama"	RM10,000	5 Pemenang
"Hadiah Saguhati"	RM100	1,000 Pemenang

(Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Hadiah**")

7. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 15 di sini) berkenaan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.

Kriteria Penyertaan

8. Peserta Layak boleh memperolehi suatu penyertaan atau penyertaan-penyertaan ("**Penyertaan**" atau "**Penyertaan-Penyertaan**", mengikut mana-mana yang berkenaan) untuk memenangi Hadiah yang dirujukkan dalam Klausa 6 di sini dengan melakukan transaksi yang ditetapkan dalam jadual di bawah dan dalam cara yang dinyatakan di dalamnya melalui laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks:-

Kriteria Penyertaan	Bil. Penyertaan
Setiap lima (5) transaksi DuitNow keluar (" <i>outward DuitNow transactions</i> ") yang berjaya (<i>setiap transaksi hendaklah dilakukan kepada suatu ID DuitNow yang unik masing-masing</i>) pada jumlah minimum RM1 setiap transaksi semasa Tempoh Kempen	1

Suatu ID DuitNow dianggap unik apabila Peserta Layak memulakan suatu transaksi DuitNow keluar ke ID DuitNow yang lain bagi kali pertama semasa Tempoh Kempen.

(selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Transaksi Layak**").

9. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- 9.1 "**DuitNow**" bermaksud suatu perkhidmatan yang membolehkan pelanggan bank memindahkan dana serta-merta dan selamat kepada penerima dengan ID DuitNow dengan menggunakan nombor mudah alih, nombor MyKad, nombor polis/tentera, nombor pasport, dan/atau nombor pendaftaran perniagaan penerima.
- 9.2 "**ID DuitNow**" bermaksud yang telah didaftarkan untuk membolehkan seseorang untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan yang disediakan oleh DuitNow, yang merangkumi nombor mudah alih, nombor MyKad, nombor polis/tentera, nombor pasport, dan/atau nombor pendaftaran perniagaan.
- 9.3 "**Transaksi DuitNow keluar**" bermaksud pemindahan dana yang berjaya ke ID DuitNow pihak ketiga dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan melakukan transaksi dengan menggunakan ciri '*DuitNow*' di bahagian '*Pay & Transfer*' di laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks melalui mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak.
- 9.4 "**Akaun Penyertaan**" bermaksud akaun-akaun Semasa atau Simpanan CIMB Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB bagi kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.

10. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi menggunakan Waktu Malaysia.
11. ID DuitNow Peserta Layak mesti kekal aktif dan dipautkan dengan suatu Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen untuk layak memenangi mana-mana Hadiah yang dinyatakan dalam Klausa 6. Penukaran ID DuitNow ke bank lain sebelum mana-mana Hadiah dianugerahkan kepadanya di bawah Kempen ini akan melucutkan kelayakan Peserta Layak daripada memenangi Hadiah.
12. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan sama ada apa-apa transaksi tertentu adalah layak untuk menjadi Transaksi Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang dan Pemenuhan Hadiah

13. Pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan secara rawak menyenaraikan suatu senarai pemenang berpotensi berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi semasa Tempoh Kempen ("**Peserta Disenarai Pendek**").
14. Peserta Disenarai Pendek akan dihubungi oleh CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) yang nombor mudah alihnya didaftarkan dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, DiGi atau U Mobile dan dikekalkan dalam rekod CIMB. Peserta Disenarai Pendek akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut.
15. LIMA (5) Peserta Disenarai Pendek pertama yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**"). SATU RIBU (1,000) Peserta Disenarai Pendek seterusnya yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**").

Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Saguhati hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**".

16. Untuk mengelakkan keraguan, tarikh akhir (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan dinyatakan dalam SMS. Sekiranya mana-mana Peserta Disenarai Pendek gagal untuk menjawab soalan dengan betul dan/atau gagal untuk membalas dalam tarikh akhir yang diberikan dan/atau tidak dapat dihubungi atas apa-apa jua sebab, Peserta Disenarai Pendek tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara dalam keadaan yang disebut di atas bagi apa-apa sebab jua.
17. Caj telekomunikasi piawai bagi balasan SMS akan dikenakan dan hendaklah ditanggung oleh Peserta Disenarai Pendek.
18. Setiap Peserta Layak akan layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
19. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau dikemaskini.
20. Semua soalan dan jawapan akan dinilai dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim hendaklah muktamad dan mengikat.
21. Mana-mana Pemenang yang Akaun Penyertaan telah ditutup or ditamatkan sebelum apa-apa Hadiah dianugerahkan kepada beliau di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima apa-apa Hadiah di bawah Kempen ini.
22. CIMB akan memaklumkan Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik pada laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau melalui mel elektronik atau SMS ke nombor mudah alih Pemenang atau dengan apa-apa cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen.
23. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang pilihan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang mempunyai nilai setara yang berbeza atau

mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB lain Pemenang atau mana-mana akaun CIMB pihak ketiga.

24. CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah sekiranya terdapat apa-apa pembalikan bayaran bagi Transaksi Layak.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

25. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my atau www.cimbislamicbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
26. Akaun Penyertaan Peserta Layak (i) MESTI TIDAK memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian-perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; dan (ii) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
27. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
28. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
29. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
30. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Peserta Layak SMS atau emel

melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

31. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau laman web CIMB di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh notifikasi Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
32. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
33. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 31) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang kemudiannya digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
34. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
36. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
37. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui notifikasi kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan, P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / Faks: 603 2691 3248 / Emel: cru@cimb.com.